

# Potensi wakaf pendidikan di IPT

**P**ERANAN wakaf dalam sejarah pembangunan ekonomi masyarakat Islam sudah lama diiktiraf. Sejak zaman pemerintahan Uthmaniyah lagi, institusi wakaf digerakkan untuk kesejahteraan umat. Modal sosial yakni aset dan dana wakaf digembleng untuk menyediakan kemudahan seperti pusat kesihatan, pendidikan, tempat ibadah serta kemudahan jalan raya. Minat terhadap subjek wakaf semakin meningkat pada peringkat global terutamanya dalam kalangan pemilik taruh di dunia Islam.

Wujud usaha gigih untuk memulihkan semula kegemilangan institusi wakaf agar mampu membuka kunci potensi corpus wakaf yang luas terhimpun hingga kini. Di samping itu peningkatan minat terhadap wakaf seiring dengan usaha untuk mengenal pasti instrumen baru yang boleh mengukuhkan pembangunan industri kewangan Islam.

Konsep wakaf pada umumnya disandarkan pada ayat al-Quran dan hadis yang menerangkan mengenai sedekah secara umum. ALLAH SWT menjelaskan dalam surah Al-Baqarah ayat 267.

Daripada Ali bin Hujr memberitarkan kepada kami (Isma'il bin Ibrahim dari Ibnu 'Aun dari Nafi') dari Ibnu Umar, dia berkata; "Umar pernah mendapatkan sebidang tanah di Khaibar, dia pun bertanya: Wahai Rasulullah SAW, aku mendapatkan harta di Khaibar, aku tidak pernah mendapatkan harta yang menyenangkan hatiku sebelumnya seperti ini, maka apa yang engkau perintahkan kepadaku (atas harta ini)? Baginda SAW menjawab: "Jika kamu berkenan, tahananlah (wakaf) pokoknya dan bersedekahlah dengannya." maka Umar pun bersedekah dengannya, hartanya itu tidak dijual, tidak pula dihibahkan, dan tidak dia wariskan dan dia menyedekahkannya daripada harta itu kepada fakir miskin, ahli kerabat baik yang dekat mahupun yang jauh, fi sabilillah, ibnu sabil, dan tamu." (*Sunan Tirmidzi : 1296*)

Hadis ini menggambarkan prinsip wakaf adalah dengan mengekalkan aset wakaf dan hasil pulangan yang terhasil daripada aset wakaf tersebut disedekahkan dan dimanfaatkan penerima manfaat (*mawqufalaih*). *Mutawalli* yang dilantik perlu menjaga aset wakaf itu dan mengembangkannya. Daripada prinsip ini, masyarakat Islam mendapat manfaat daripada hasil sumbangan wakaf yang disumbangkan pewakaf (*waqif*).

Penulisan ini untuk mengupas

persoalan apakah faktor kejayaan kritikal terhadap aplikasi wakaf dalam pembiayaan pendidikan peringkat IPT. Raja Dr Nazrin Shah dalam ucap-tama tersebut mengenal pasti tiga perkara iaitu perundangan, governan dan profesionalisma dan modal. Dalam artikel ini menyentuh perihal keperluan modal sebagai satu faktor kejayaan kritikal, mengambil contoh pembangunan IPT yang kita lawati dalam rangka lawatan penanda aras.

Modal sebagai salah satu faktor kejayaan kritikal boleh dilihat dari dua sudut. Pertama memberi nafas baru kepada produktiviti aset wakaf (tanah wakaf terbiar sebagai contoh), wujud keperluan untuk mengembleng modal terutamanya dalam bentuk tunai.

Penggunaan sukuk adalah satu opsyen. Sukuk musyarakah digunakan di Singapura untuk membangunkan premis komersial di atas tanah wakaf. Kedua wujudnya penggerak utama yang berwawasan diiringi dengan sokongan yang padu daripada pihak berwajib.

Di sini kita kemukakan dua contoh. Pertama dalam penubuhan Kolej Universiti Bestari (UCB) di Setiu, Terengganu. Kolej ini berasal sebagai Kolej Teknologi Bestari (ditubuhkan pada tahun 1998) dan dinaiktarafkan menjadi Kolej Universiti Bestari pada tahun 2012. Kampus UCB terletak di atas tapak tanah seluas 128 hektar.

Persatuan Kebajikan Anak Yatim Terengganu (Perkaya) memperolehi tapak tanah ini sebagai tanah anugerah daripada Kerajaan Terengganu dan premium dibayar terhadapnya. Tapak tanah ini dimiliki bersama antara 3 entiti iaitu Perkaya, Peyatim dan Yakin. Ketiga-tiga badan ini melalui mesyuarat agung masing-masing bersetuju menjual wakaf kaki dengan kelulusan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) untuk menjana dana bagi membangunkan kampus UCB serta institusi pendidikan di bawah naungan Peyatim seperti Sekolah Menengah Akademik Tahfiz (Smat) di Marang.

Institusi pendidikan ini dibangunkan untuk memberi peluang anak yatim dan miskin melanjutkan pengajian mereka ke peringkat kolej dan universiti. Justeru, UCB mempunyai ciri universiti wakaf. Pengerusi Eksekutif UCB merangkap YDP PEYATIM, YM Prof Datuk Dr Tengku Mahmud Tengku Mansor menjelaskan (pertemuan pada 2 Mac 2014 di UCB)

pendorong utama kepada pengasas UCB adalah hakikat di Malaysia belum ada universiti wakaf. Pengasas UCB menjadikan usaha membangunkan universiti wakaf sebagai *niche*.

Perkaya berjaya memperoleh 1,500 ekar tanah dari Kerajaan Terengganu pada Mei 2013 dengan dibayar premium. Pemilik sedang berusaha untuk menanam kelapa sawit yang hasilnya akan digunakan untuk membantu anak yatim dalam pengajian mereka.

Pembudayaan aktiviti keusahawanan sebagai sosial enterprise boleh digabungkan dengan amalan wakaf. Pelaksanaan aktiviti keusahawanan di Sekolah Menengah Akademik Tahfiz Perkaya (Smat Perkaya) (bawah Pertubuhan Anak Yatim Terengganu (Perkaya) secara langsung mendidik pelajar mengenai aktiviti keusahawanan sebenar supaya berupaya berdikari dan menjadikan aktiviti keusahawanan sebagai satu cabang jihad membangunkan ekonomi umat setempat. Pembudayaan keusahawanan ini disuburkan melalui aktiviti yang dinamakan "Pusat Kecemerlangan Perkaya". Terdapat 16 buah bilik double dan 2 buah besar (dormitory) yang sedia di sewakan kepada orang awam, termasuklah perkhidmatan catering dan hospitaliti. Pembudayaan keusahawanan ini penting untuk mewujudkan wakaf produktif dan mewujudkan sumber dana berasaskan wakaf yang lebih berpanjangan dan lestari supaya berupaya menyokong aktiviti keilmuan dari semasa ke semasa.

Contoh kedua adalah Pondok Modern Darussalam Gontor Putri 1 di Jawa Timur, Indonesia (sekolah menengah rendah dan atas khusus bagi pelajar wanita). Untuk ke sini wujud pewakaf /waqif yang memberi sumbangan wakaf yang besar. Anuar

Sadiq mewakafkan 200 hektar tanah yang produktif pada tahun 1956. 68 hektar daripadanya diusahakan dengan pertanian iaitu sawah padi (taklimat oleh wakil Yayasan Pertanian Gontor Putri 1 pada 2 Februari 2014).

Untung bersih setahun sebanyak Rp 1 bilion (setelah ditolak dengan kos dan pembahagian keuntungan dengan petani / pengusaha yang terlibat) digunakan pemegang amanah Pondok untuk membiayai kos operasi pondok.

Pengajaran daripada kedua-dua contoh ini adalah: suntikan modal yang substantif dalam bentuk tanah, potensinya direalisasikan sebagai

wakaf produktif melalui penjualan wakaf kaki (di UCB), manakala penjanaan dana melalui sosial enteprais dan pengusahaan tanah wakaf melalui pertanian di UCB dan Pondok Gontor. Bagi kes Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), sokongan kewangan yang substantif sebagai permulaan diperolehi daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains). Suntikan modal ini bertujuan untuk

mengerakkan pembangunan projek Klinik Pakar Kesihatan Usim dan Klinik Hemodilisis MAINS-Usim yang direalisasikan di Negeri Sembilan (Utusan Malaysia 5 Mac 2014). Sokongan padu Datuk Naib Canselor yang menyasarkan universiti hybrid sebagai matlamat memberi impetus kepada projek pembiayaan wakaf di Usim.

Kesimpulannya, faktor kejayaan

kritikal merealisasikan wakaf pendidikan ini adalah melalui pengemblengan modal yang substantif, dan potensi ini secara asas perlulah wujudnya penggerak utama yang berwawasan dari institusi pendidikan yang memahami roh wakaf tersebut dan diiringi dengan sokongan yang padu daripada pihak berwajib dan masyarakat Islam umum.



Pengarah Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf, Prof Datuk Dr Mohammad Ilias (empat, kiri) menyampaikan dana wakaf al-Abrar Usim kepada mantan naib canselor Usim, Prof Datuk Dr Asma Ismail yang kini bertugas sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan.